

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN SHAMSUL
ISKANDAR BIN MOHD AKIN [BUKIT KATIL]**

TARIKH : 26 OKTOBER 2016

SOALAN :

YB Tuan Shamsul Iskandar bin Mohd Akin [Bukit Katil] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada tindakan Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat untuk memfailkan kes mengenai 1MDB akan membawa apa-apa kesan terhadap hubungan antara Malaysia dengan Amerika Syarikat dan adakah ini menjadi punca utama ketidakhadiran Perdana Menteri ke Mesyuarat Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan Persidangan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tindakan Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat memfailkan kes mengenai 1MDB tidak akan memberi kesan kepada hubungan dua hala antara Malaysia dan Amerika Syarikat.

Hakikatnya, hubungan dua hala di antara Malaysia dan Amerika Syarikat pada masa kini berada pada tahap yang amat baik dengan kerjasama di dalam pelbagai bidang kepentingan di bawah rangka kerja *Comprehensive Partnership*, termasuk politik, ekonomi, perdagangan, pendidikan, keselamatan, pertahanan, pertanian, sains dan teknologi serta belia dan sukan. Hubungan dua hala di antara kedua-dua negara terbina atas dasar saling hormat-menghormati di antara satu sama lain.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kehadiran YAB Timbalan Perdana Menteri ke Majlis Keselamatan PBB mewakili YAB Perdana Menteri merupakan amalan biasa yang turut dipraktikkan oleh ketua-ketua Kerajaan negara lain. Semenjak 2009, YAB Perdana Menteri telah 4 kali hadir ke UNGA iaitu pada 2010, 2013, 2014 dan 2015 dan beliau pernah juga tidak menghadiri UNGA sebanyak 4 kali iaitu pada 2009, 2011, 2012 dan 2016.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Datuk Dr. Ewon Ebin**
[Ranau]

TARIKH : **26 Oktober 2016 (Rabu)**

SOALAN : ~~20~~³⁴

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:

- (a) apakah punca utama yang menyebabkan kawasan ESSCOM bolos dan berlakunya penculikan untuk tebusan di kawasan ini; dan
- (b) apakah pihak Kerajaan sedia memindahkan tugas menjaga sempadan negara daripada ESSCOM kepada Angkatan Tentera Malaysia seperti dalam kes menjaga sempadan Malaysia-Thailand.

Tuan Yang Di-Pertua,

Kedudukan kawasan Pantai Timur Sabah yang sangat hampir dengan kawasan selatan Filipina menjadi faktor utama yang memudahkan pembolosan penculik dan penjenayah rentas sempadan untuk bolos dengan cepat kerana perjalanan ke perairan sempadan negara mengambil masa yang singkat untuk sampai ke selatan Filipina. Sebagai contoh, jarak antara Pulau Banggi, Kudat dengan Pulau Mangsi (Filipina) adalah sejauh 10 batu nautika dan Pulau Taganak (Filipina) dengan Sandakan sejauh 17 batu nautika.

Selain itu, penglibatan dan sokongan “orang dalam” khususnya dari pendatang tanpa izin (PTI) yang berada di Sabah seumpama “duri dalam daging” dan “musuh dalam selimut” menjadi talibarut kepada kumpulan *kidnap for ransom*. Tali barut ini menjadi mata-mata bagi memantau pergerakan bukan sahaja pasukan keselamatan tetapi juga sasaran.

Pada masa ini, kerajaan tidak bercadang dan tidak mempunyai perancangan untuk memindahkan tugas menjaga sempadan negara daripada ESSCOM kepada Angkatan Tentera Malaysia seperti dalam kes menjaga sempadan Malaysia-Thailand.

Sekian, terima kasih.